



TERMA DAN SYARAT PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Syarikat yang memohon untuk membuat pembaharuan Sijil Perakuan Pendaftaran Felda Holdings Bhd dinasihatkan untuk membaca terma dan syarat dengan teliti sebelum mengemukakan permohonan.

1. Pembaharuan Sijil Akuan Pendaftaran ini dibuka kepada semua syarikat / perniagaan yang telah berdaftar dengan Felda Holdings Bhd yang akan tamat tempoh pada tarikh seperti jadual berikut:

<silalah rujuk jadual di laman utama e-daftar>

2. Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran **90 hari** sebelum tamat tempoh perakuan sijil. Jika pembaharuan pendaftaran diterima selepas tamat tempoh perakuan sijil akan dikenakan **denda**.
 3. Pembaharuan diluluskan untuk tempoh **2 tahun sahaja**.
 4. Permohonan pembaharuan yang diterima selepas tarikh luput pendaftaran iaitu 2 tahun, tidak akan dipertimbangkan dan jika syarikat masih berminat untuk berdaftar dengan **FELDA HOLDINGS BHD**, maka hendaklah mengemukakan permohonan baru pendaftaran.
 5. Pembaharuan Sijil Akuan Pendaftaran hanya boleh dibuat secara atas talian (**online**) melalui laman web e-Daftar **FELDA HOLDINGS BHD**, iaitu di <http://edaftar.felda.net.my>
 6. Maklumat yang diisi mestilah benar, betul dan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap dengan sendirinya terbatal.
 7. Pemohon hanya dibenarkan memohon tidak lebih dari **dua (2) Bidang Utama** dan **tiga (3) Sub-Bidang** untuk setiap bidang utama serta nyatakan secara khusus **Aktiviti** yang dipohon. Keutamaan **Bidang** yang dipohon **MESTILAH** berdasarkan perniagaan teras Syarikat (Core Business)
 8. Pemohon yang ingin berdaftar dalam bidang KEJURUTERAAN **DIWAJIBKAN** mempunyai sijil CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia) dan bagi bidang PERTANIAN mesti mempunyai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kepala VI.
 9. Jika pemohon memiliki lebih dari satu syarikat / pegangan saham dalam syarikat yang lain, hanya **SATU** syarikat sahaja yang dibenarkan mendaftar.
 10. Setiap permohonan dikenakan **Bayaran Pemprosesan** sebanyak **RM 50.00 (tidak dikembalikan)**. Bayaran hanya boleh dibuat dalam bentuk **Wang Pos / Bank Draf** atas **nama FELDA HOLDINGS BHD**.
 11. **PENTING ! :**
 - i. Bayaran Pemprosesan hendaklah dibawa semasa menghadiri sesi temuduga pada tarikh dan tempat yang akan ditetapkan kemudian.
 - ii. Sila catatkan nama syarikat anda di belakang Wang Pos / Bank Draf tersebut untuk tujuan penyelarasan status bayaran.
 12. **FELDA HOLDINGS BHD TIDAK MELANTIK ORANG PERSEORANGAN ATAU AGEN BAGI URUSAN PENDAFTARAN.**
-